



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 52 / 2022**

**KEPENTINGAN INTEGRITI DALAM KEHIDUPAN**

**6 Jamadilakhir 1444H**

*Bersamaan*

**30 Disember 2022**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيَاةً طَيِّبَةً

وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ – فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

**Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Saya ingin mengingatkan diri dan sidang jemaah sekalian, marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya di samping berusaha mencari kehidupan yang diberkati dan diredhai oleh Allah SWT. Mudah-mudahan kita berjaya menjadi insan yang beruntung di dunia dan di akhirat.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk:

**“KEPENTINGAN INTEGRITI DALAM KEHIDUPAN”**

Khatib menyeru kepada seluruh umat Islam, marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid pada setiap waktu. Ketahuilah bahawa, seseorang yang menunaikan solat dengan mengharapkan keredhaan Allah SWT, maka berguguranlah dosa-dosanya sepertimana gugurnya daun-daun dari pokok apatah lagi bagi mereka yang menunaikannya secara berjemaah di masjid.

Rasulullah SAW pernah berwasiat kepada Abu Dzar yang bermaksud :

“Wahai Abu Dzar, sesesorang hamba Muslim yang menunaikan solat kerana mencari keredhaan Allah, maka berguguranlah dosanya sepertimana daun-daun yang berguguran dari pokok ini.

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Integriti adalah sebahagian daripada nilai-nilai penting dan berperanan besar dalam membentuk tingkah laku dan sahsiah manusia untuk menjadi lebih sempurna. Seseorang yang berintegriti bermaksud dia memiliki sifat-sifat yang jujur, amanah, serta menunjukkan kepatuhan yang tinggi kepada nilai serta akhlak terpuji dalam urusan kehidupan dan pekerjaan. Nilai integriti bukan sahaja mengubah cara hidup dalam kalangan anggota masyarakat, bahkan akan membantu sesebuah negara dalam mencapai matlamat serta kejayaan yang telah dirangka agar Malaysia dikenali kerana integriti pemimpin dan rakyatnya.

Satu contoh yang perlu diikuti bersama ialah iktibar daripada insan pilihan yang sangat kita kasihi, iaitu Nabi Muhammad SAW. Baginda telah memaparkan dirinya sebagai contoh ikutan yang berintegriti tinggi, sehingga dikenali dengan gelaran ‘al-Amin’, yang bererti ‘yang sangat dipercayai’ dalam kalangan masyarakat Baginda. Empat nilai atau sifat terpuji Rasulullah SAW.

yang mendukung maksud serta menjadi teras kepada nilai integriti iaitu Sidiq (berkata benar), Amanah (dipercayai), Tabligh (menyampaikan), Fatanah (bijaksana).

Nilai integriti juga adalah pelengkap dalam membentuk keluarga yang bahagia dan harmoni. Malah, integriti yang berlandaskan nilai-nilai Islam yang berpaksikan kepada kekuatan rohani dan akidah tauhid adalah penyelesaian terbaik kepada kemelut salah laku dalam diri individu, hidup berkeluarga, organisasi mahupun negara.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati sekalian,**

Terdapat banyak contoh teladan dari sudut kejujuran yang dapat kita ambil dari perjalanan hidup para Rasul terdahulu. Antaranya firman Allah SWT yang mengisahkan kejujuran dan sifat amanah Nabi Musa AS seperti yang disebutkan dalam surah Al- Qasas ayat 26 :

قَالَتْ إِحَدَهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

**Maksudnya:** Salah seorang dari keduanya berkata: Wahai ayah, ambillah dia sebagai pekerja, sesungguhnya sebaik-baik pekerja ialah yang kuat, lagi amanah.

Ayat ini membawa maksud yang sungguh mendalam. Ia bukan sahaja membuktikan kekuatan dan amanah Nabi Musa AS., tetapi juga menonjolkan sikap kepimpinan Baginda Nabi Musa AS. dalam melaksanakan tugas dengan penuh kesempurnaan dan integriti yang tinggi.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Manusia yang tidak menegakkan nilai integriti, kejujuran dan amanah akan menyebabkan seseorang itu terjerumus ke dalam kancah kemaksiatan seperti mengamalkan amalan rasuah dan mengakibatkan kepincangan dalam kehidupannya. Rasuah bukan sahaja khianat kepada amanah yang telah dipertanggungjawabkan malah menzalimi hak orang lain disekelilingnya.

Allah SWT menegaskan di dalam surah al-Baqarah ayat 188 :

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا

مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

**Maksudnya:** Dan janganlah kamu makan harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

Manakala dalam sebuah hadis Rasulullah SAW bersabda:

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي

**Maksudnya:** “Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah.”

(Riwayat Abu Dawud dan Ibnu Majah)

Berdasarkan beberapa contoh yang ditonjolkan dalam al-Quran dan juga dari sirah Rasulullah SAW, maka sifat jujur dan amanah perlu ditanam kukuh menjadi satu sikap yang sehati dalam diri kita. Bila disebut masyarakat Islam, sepatutnya terserlah bukan sahaja kelembutan budi bahasa, tetapi kemuliaan akhlak dari sudut kejujuran dan keikhlasan serta boleh diyakini dan dipercayai oleh masyarakat lain termasuk dari golongan yang bukan Islam.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mempertingkatkan pengamalan serta pembudayaan nilai-nilai integriti dalam diri kita. Jauhilah segala perkara yang boleh menjatuhkan nilai ketamadunan sesebuah masyarakat yang sekian lama terbina.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ

مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

**Maksudnya:** Sesungguhnya Kami telah kemukakan amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang, maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya; dan manusia sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan jahil.

(Surah Al-Ahzab ayat: 72)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Khatib ingin mengambil kesempatan untuk mengajak sidang jumaat dan umat islam agar lebih cakna kepada golongan fakir dan miskin dengan menyalurkan zakat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Maklumat berkenaan agihan dan kutipan zakat dipaparkan menerusi portal [ezakat.maidam.gov.my](http://ezakat.maidam.gov.my).

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ،  
ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ،  
وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّوْ مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيْلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
رَبِّنَا الْعَابِدِيْنَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada. Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan yang erat dan kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah, wahai Zat Yang Maha Pengasih. Hindarilah kami daripada segala malapetaka, bala bencana dan wabak penyakit, daripada kekejian dan kemungkaran, daripada pelbagai persengketaan, kekejaman dan huru hara, daripada kesulitan dan kesengsaraan, yang nampak mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

Ya Allah, limpahkanlah kesabaran atas kami, teguhkanlah pendirian kami dan bantulah kami. Kami memohon kepada-Mu jiwa yang tenang, lagi beriman dengan pertemuan dengan-Mu, juga redha atas keputusan-Mu serta merasa cukup puas dengan pemberian-Mu.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللَّهُ.

